



DR. MAHATHIR MOHAMAD (kiri) menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Kemanusiaan daripada Takashi Matsuoka di Amherst House. Universiti Doshisha di Kyoto. Jepun, semalam. - BERNAMA

Dr. M terima ijazah doktor kehormat Universiti Doshisha

KYOTO 6 Sept. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat Persuratan Kemanusiaan oleh Doshisha University, Jepun atas sumbangannya terhadap pendidikan dan kedaulatan undang-undang.

Presiden Universiti Doshisha, Takashi Matsuoka berkata, semasa Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri dari 1981 hingga 2003, beliau telah memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur yang bukan sahaja menyaksikan lebih 15,000 penuntut dan pelatih Malaysia dihantar ke Jepun tetapi juga menyumbang kepada pembinaan negara Malaysia.

"Sumbangan Dr. Mahathir kepada pendidikan dan kedaulatan undang-undang adalah selari dengan 'pendidikan hati nurani' yang sentiasa menjadi asas semangat Universiti Doshisha," katanya ucapan konvokesyen itu di sini hari ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau amat berbesar hati di atas pengiktirafan yang diberikan terhadap usahanya untuk Malaysia.

Katanya, pengiktirafan yang diberikan itu akan dijadikan sandaran untuk terus menyumbang kepada negara.

Dr. Mahathir menerima anugerah berkenaan daripada Matsuoka pada majlis penganugerahan khas yang berlangsung di Amherst House universiti itu.

Hadir sama, Canselor dan Pengerusi Lembaga Amanah Doshisha University Eiji Hatta.

Perdana Menteri merupakan penerima ke-68 anugerah tersebut dalam sejarah 144 tahun universiti berkenaan.

Penerima lain termasuk pengasas Matsushita Corporation (kini Panasonic), Konosuke Matsushita dan ahli ekonomi Amerika Syarikat Joseph Eugene Stiglitz yang juga merupakan penerima Hadiah Nobel Memorial.